

Kunjungan delegasi syarikat Thailand

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan delegasi dari Energy Absolute (EA), sebuah syarikat peneraju tenaga boleh diperbaharui dan terkemuka dalam industri teknologi hijau di Thailand yang diketuai Somphote Ahunai di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Syarikat EA yang mempunyai kekuatan modal pasaran sebanyak 380 bilion baht (RM45 bilion) berhasrat meneroka pasaran Malaysia dan akan berkolaborasi dengan Computer Forms Malaysia Berhad (CFM) untuk membangunkan industri teknologi hijau di Malaysia.

CFM dan EA memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan menubuhkan syarikat usaha sama (JV) untuk mempromosi, mengeluarkan dan mengedar produk tenaga boleh baharu (RE) di Malaysia.

Menerusi MoU itu, Energy Absolute melabur RM5 bilion untuk membangunkan kemudahan penyimpanan tenaga dan platform pengecasan serta pengeluaran bateri litium-ion untuk menyokong ekosistem sektor EV di negara ini.

■ **ANWAR Ibrahim menerima kunjungan delegasi EA di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.**



